



Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao

Malaysian Consultative Council of Buddhism
Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism

123 ,Jalan Berhala, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur. Tel: 03-2273 9304 Fax : 03- 2273 9307 Email : mccbchst@yahoo.com Website:http://harmonymalaysia.wordpress.com

Ruj. Kami: MCCBCHST.600-6/1/1 (1)

Tarikh: 6 April 2021

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Md. Radzi
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia
62000 Putrajaya

YBhg. Datuk,

PENGUMPULAN DATA RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DI BAWAH SELIAAN BADAN-BADAN AGAMA

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan surat daripada YBhg. Datuk bertarikh 24 Mac 2021 adalah berkaitan.

1. Untuk makluman YBhg. Datuk, pihak kami telah menerima surat mengenai perkara yang tersebut di atas dan telah mengadakan perbincangan yang mendalam mengenai keperluan untuk membekalkan maklumat yang diperlukan oleh pihak YBhg. Datuk.
2. YBhg. Datuk, pihak kami ingin menarik perhatian dan memaklumkan bahawa rumah ibadat selain Islam berfungsi di bawah Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kebebasan agama kepada setiap agama dan hak bagi menyelenggara hal-hal agama sendiri, seperti yang termaktub di dalam Artikel 11.3 seperti di bawah:

“(3) Every religious group has the right- (a) to manage its own religious affairs.”

3. Perkara yang tersebut di atas, membawa erti bahawa sebenarnya tidak perlu mana-mana rumah ibadat selain Islam untuk berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau dengan mana-mana pihak yang lain. Namun kini ianya menjadi suatu keperluan bagi tujuan permohonan dana Kerajaan dan urusan rasmi dengan Jabatan/agensi Kerajaan.
4. Untuk pengetahuan YBhg. Datuk juga, terdapat juga rumah ibadat selain Islam yang berfungsi di bawah Akta Parlimen (contohnya: Gereja Katholik dan Gereja Methodist). Gereja seumpama ini terletak di bawah perlindungan dan pendaftaran

Akta Parlimen. Selain daripada itu terdapat juga rumah ibadat ini yang berdaftar dan berfungsi di bawah entiti-entiti seperti berikut:

1. Suruhanjaya Pendaftaran Syarikat (SSM)
2. Amanah (Trust) dengan perintah Mahkamah (contoh: Sri Maha Mariamman Devasthanam, Jalan Tun H.S Lee, Kuala Lumpur)
3. Amanah (Trust) yang diawasi oleh Jabatan Perdana Menteri
4. Didaftarkan sebagai RIBI dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tujuan pengecualian cukai.

5. Terdapat juga banyak rumah ibadat selain Islam yang tidak berdaftar dengan mana-mana entiti seperti yang tersebut di atas kerana pada hakikatnya mana-mana rumah ibadat termasuk masjid tidak perlu didaftarkan di bawah JPPM kerana peruntukan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan.

6. Sekatan-sekatan yang boleh dibuat terhadap rumah ibadat adalah hanya yang berkaitan dengan "**public order, public health or morality,**" seperti yang tertera di Artikel 11(5). Oleh kerana inilah semua rumah ibadat termasuk masjid di arahkan tutup untuk semua upacara keagamaan kerana penularan pandemik COVID-19 dan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan lain-lain perintah Darurat sekiranya perlu. Oleh kerana itulah pihak kami telahpun membekalkan senarai nama-nama rumah ibadat selain Islam yang diperlukan bagi tujuan pembukaan dan penutupan rumah ibadat selain Islam pada bulan Mac 2020 semasa pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama.


7. Pada kesempatan ini, pihak kami ingin memohon kepada pihak YBhg. Datuk rasional dan keperluan untuk mengumpul semua maklumat-maklumat terperinci rumah ibadat selain Islam seperti yang diperlukan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dewasa ini kerana ianya menimbulkan kekeliruan dan kesangsian di kalangan pihak pengurusan rumah ibadat kami. Bagi pendapat kami maklumat terperinci rumah ibadat kami adalah sebahagian daripada maklumat terperingkat dan tidak boleh dikongsi dengan pihak lain selain ianya melibatkan urusan perundangan.

8. Untuk pengetahuan YBhg Datuk, kini selain daripada KPN, pihak JPNIN dan agensi-agensi lain juga sudah mula memohon maklumat mengenai rumah ibadat selain Islam daripada kami. Perkara seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan kini ianya sudah menjadi seolah suatu tren. Pihak kami telah dinasihati oleh peguam kami bahawa MCCBCHST tidak perlu memberikan maklumat terperinci seperti yang dimohon oleh Kementerian Perpaduan Negara.


9. Namun, MCCBCHST senantiasa bersedia untuk menyelaras semua perkara berkaitan dengan rumah ibadat selain Islam dan akan bekerjasama untuk memupuk perpaduan negara di antara semua pihak.

Kerjasama, perhatian dan pertimbangan YBhg. Datuk mengenai perkara ini adalah amat diharapkan dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.


Yang benar,



Archbishop Julian Leow Beng Kim
President
MCCBCHST




Sardar Jagir Singh Arjan Singh
Deputy President
MCCBCHST



Dao Zhang Tan Hoe Chieow
Vice President
MCCBCHST



Venerable Sing Kan
Vice President
MCCBCHST



Datuk RS Mohan Shan
Vice President
MCCBCHST

s.k.: Yang Berhormat Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique
Menteri Perpaduan Negara
Kementerian Perpaduan Negara
Kompleks E, Aras 7-10, Blok E2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

